



UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**Fiesta “JIS PAI” DAN JEJAK INOVASI 2015
14 FEBRUARI 2015**

Terima Kasih , saudara pengerusi majlis

Yang Berbahagia **Dato' Suki Mee**
Pengerusi Yayasan Orang asli Perak (YOAP)
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur “Jis Pai” dan Jejak Inovasi 2015

Yang Berusaha **Supt. Wan Hamzah Wan Kadir**
Pegawai Pemerintah Batalion 3 PGA, Bidor

Yang Berusaha **Puan Mariama Uda Nagu**
Pengarah Radio Asyik FM, RTM

Yang Berusaha **Encik Muhamad Aziph Mustapha**
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yang dihormati, Dato'- Dato', Datin-Datin, tetamu jemputan, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian.

Selamat petang, salam sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Perpaduan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengajur di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk hadir sama dan seterusnya merasmikan sambutan Fiesta “Jis Pai” dan Jejak Inovasi 2015. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yayasan Orang Asli Perak (YOAP), Asyik Fm, RTM dan seluruh jawatankuasa pengajur di atas komitmen yang tinggi dan usaha yang konsisten dalam menguruskan pengajuran, kemeriahinan, kegemilangan dan keunikan sambutan Fiesta “Jis Pai” dan Jejak Inovasi 2015 bagi masyarakat pribumi Orang Asli setiap tahun dan pada tahun ini akan diserikan dengan program Jejak Inovasi yang diterajui oleh agensi MOSTI, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

2. Saya menyokong penuh usaha-usaha seperti pengajuran Fiesta “Jis Pai” ini. Ini adalah kerana ia memainkan peranan yang penting dalam pemeliharaan kesinambungan budaya dan kesenian serta jatidiri masyarakat pribumi Orang Asli, agar terus subur dikenali umum dan tidak luput ditelan zaman. Selain daripada itu, pengajuran Fiesta ini juga boleh menjadi medium untuk mengeratkan perpaduan di kalangan masyarakat pribumi Orang Asli dengan masyarakat umum lain yang ada di Negara ini.

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin sekalian,

3. Negara kita ini amat unik sekali kerana mempunyai masyarakat yang berbilang agama, kaum, dan bangsa. Ini menjadikan negara kita sangat kaya dengan kepelbagai adat resam dan budaya. Kepelbagaiannya ini hendaklah

diuruskan dan dipelihara dengan baik dan iaanya boleh dijadikan ramuan untuk menyatupadukan rakyat iaitu selaras dengan konsep “unity in diversity.” Maka itu, konsep 1Malaysia bukan setakat menyeru rakyat untuk memahami dan menghormati perbezaan itu, tetapi melalui perbezaan yang wujud, maka kita sama-sama meraih kekuatan daripada perbezaan itu untuk membina bangsa Malaysia yang rakyatnya hidup dengan harmonis, aman dan damai . Oleh itu, adat resam Kesenian dan Kebudayaan tidak kira milik kaum mana pun tentunya mampu menjadi faktor penyatuan kaum-kaum yang terdapat di Malaysia termasuk masyarakat Orang Asli.

4. Saya difahamkan bahawa sambutan Fiesta “Jis Pai” / Genggulang ini asal-usulnya adalah merupakan perayaan masyarakat pribumi Orang Asli untuk menyambut semangat padi atau pesta menuai yang disambut setiap tahun khususnya setelah tamat musim menuai padi huma. Ianya adalah sama dengan konsep Pesta Keaamatan yang dirayakan oleh pribumi Kadazan di Sabah dan Hari Gawai oleh masyarakat Iban Sarawak. Ianya adalah perayaan budaya bagi masyarakat Orang Asli tanpa mengira agama. Saya difahamkan oleh pihak pengajur, pelbagai acara sampingan telah dijalankan sepanjang hari ini bagi Orang Asli termasuklah aktiviti sukan, pameran dan lain-lain. Kesemua acara ini telah memperlihatkan penyertaan daripada masyarakat umum yang lain juga. Pada tahun ini, saya berharap melalui program Jejak Inovasi, budaya STI akan dapat diterap dikalangan masyarakat Orang Asli.

5. Pada malam ini pula, saya dimaklumkan bahawa kita akan turut dipertontonkan dengan Persembahan Kebudayaan dan Kesenian masyarakat pribumi Orang Asli. Bagi masyarakat umum yang masih belum mengetahui dan memahami adat resam dan kebudayaan, maka inilah masanya untuk menyaksikan keunikan, keasyikan, kebudayaan masyarakat Orang Asli dengan lebih dekat lagi.

6. Kita bertuah kerana melalui Fiesta "Jis Pai" kita berpeluang melihat keunikan tarian sewang, tiupan pensol, irama jenulak masyarakat pribumi Orang Asli, yang sekali gus memberi gambaran tentang kekayaan keunikan dan keistimewaan kebudayaan masyarakat Orang Asli.

Hadirin sekalian,

7. Kita ini berada di alaf baru sejajar dengan pembangunan negara yang pesat membangun, saya berharap agar masyarakat Orang Asli juga akan terus maju seiring dengan masyarakat perdana yang lain. Namun saya berharap masyarakat Orang Asli tidak melupakan budaya, kesenian dan adat resam warisan yang telah diwarisi dari turun temurun. Tanggungjawab berat ini bukan saja dipikul di atas bahu YOAP, malah ianya adalah menjadi tanggungjawab semua masyarakat Orang Asli tidak kira suku kaum dan lapisan umur. Kepada yang tua, warisikan adat ini kepada yang muda. Bagi generasi muda pula, jangan jemu dan putus asa untuk mempelajari serta menghayati khazanah bangsa ini

kerana kalau bukan kerana ada yang mempertahankan budaya bangsa ini, siapa lagi?

8. Kepada masyarakat lain pula, marilah kita sama-sama menghormati, menghayati serta mengiktiraf adat budaya, kesenian dan warisan masyarakat pribumi Orang Asli ini sebagai salah satu budaya masyarakat Malaysia sejarah dengan gagasan 1 Malaysia. Saya berharap agar penganjuran Fiesta “Jis Pai” ini akan berterusan pada masa akan datang. Saya juga menyeru kepada semua pihak agar dapat memberi kerjasama sokongan dan dorongan kepada pihak penganjur bagi memastikan penganjuran Fiesta “Jis Pai” pada masa akan datang lebih baik dan bertambah meriah

9. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada serta ahli jawatankuasa penganjur lain yang terlibat dalam perayaan Fiesta Jis Pai ini. Semoga usaha ini akan berterusan untuk selama-lamanya. Terima kasih juga kepada semua pihak yang turut memberi sumbangan bakti dalam penganjuran Fiesta “Jis Pai” ini.

10. Dengan harapan itu, saya berbesar hati merasmikan “Sambutan Fiesta Jis Pai dan Jejak Inovasi 2015.”

Sekian , Terima kasih.

TAMAT